

Jome Cheng anak Orang Asli terpilih belajar kejuruteraan di Jepun

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Februari 23, 2021 @ 10:20pm

mohd_iskandar@bh.com.my



Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Abdul Rahman Mohamad (kanan) mengucapkan tahniah kepada Jome Cheng (tengah) dari Kampung Orang Asli Sungai Soi, Kuantan, kerana berjaya menempatkan diri di salah sebuah universiti terkemuka di Jepun dalam bidang Kejuruteraan.

KUALA LUMPUR: Jome Cheng dari suku Jakun bukan sahaja membuktikan diri sebagai anak Orang Asli yang berjaya, apabila dapat menempatkan diri ke menara gading tetapi lebih manis lagi apabila melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di sebuah universiti terkemuka di Jepun.

Kejayaan Jome dari Kampung Orang Asli Sungai Soi, Kuantan itu dimaklumkan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Abdul Rahman Mohamad menerusi kiriman di Facebook.

"Jome dari Suku Jakun adalah antara pelajar dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Saya faham cabaran yang dilalui pelajar ini bukan mudah. Namun saya bangga kerana pemuda ini sudah membuktikan bahawa kejayaan hadir kepada mereka yang tidak pernah mengalah," katanya.

Abdul Rahman juga memaklumkan Jome hadir bersama ibu serta pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang ke pejabatnya.

Beliau turut menyampaikan sedikit sumbangan sebagai dorongan serta motivasi kepada Jome untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

"Semoga terus cemerlang di mana saja berada dan sentiasa memberi inspirasi kepada sesiapa pun dan apabila tiba masanya nanti, pulanglah ke tanah air menabur bakti kepada negara tercinta dan kepada masyarakat Orang Asli khasnya," katanya.